

23 AUG 2003

Mahathir-Formula

FORMULA PERKONGSIAN KUASA MAIH BAIK - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) - Formula perkongsian kuasa yang diamalkan Barisan Nasional (BN) sekarang tidak memerlukan banyak perubahan kerana ia telah terbukti berjaya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN berkata perubahan akan dibuat jika ada keperluan untuk mengatasi sebarang kelemahan.

"Tidak banyak perubahan dalam formula, jadi jangan main-main. Jika terdapat kelemahan, kita akan mengatasi kelemahan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Kebangsaan Parti Gerakan di Menara PGRM di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya sama ada formula BN memerlukan perubahan untuk disesuaikan dengan perubahan masa dan bagi mengukuhkan BN.

Perdana Menteri berkata perubahan tidak boleh dibuat semata-mata hanya untuk menukar sesuatu.

Beliau berkata hubungan baik Gerakan dan MCA akan memastikan kejayaan cemerlang bagi BN di Pulau Pinang dalam pilihan raya akan datang.

Oleh itu, katanya cita-cita pembangkang untuk mengambil alih negeri itu daripada BN akan kekal impian semata-mata.

"Saya berpendapat kita akan memastikan mendapat kejayaan yang baik di Pulau Pinang. Impian seseorang mengenai Penang empat, lima atau Penang enam...semuanya boleh lupakan saja," katanya.

-- BERNAMA

RV HS RON